KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2000

Semua Pegawai Pengawal

ANGGARAN PERBELANJAAN 2000

Adalah dimaklumkan bahawa sejumlah RM78,025,291,600 telah diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan 2000. Jumlah yang diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus ialah RM53,350,999,600 (iaitu RM16,492,147,700 bagi Perbelanjaan Tanggungan dan RM36,858,851,900 bagi Perbelanjaan Bekalan) manakala jumlah yang diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ialah RM24,674,292,000.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2000 bertarikh 30 Disember 1999 mengikut subseksyen (2) dan (3) seksyen 13 Akta Prosedur Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

(a) Jumlah sebanyak Enam Belas Bilion Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Juta Satu Ratus Empat Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus ringgit (RM16,492,147,700) sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan

(b) Jumlah sebanyak Lapan Belas Bilion Empat Ratus Dua Puluh Sembilan Juta Empat Ratus Tiga Ribu ringgit (RM18,429,403,000) sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang diluluskan oleh Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999.

3. Waran Am Bil. 2 Tahun 2000, telah dikeluarkan pada 10 Mei 2000 mengikut subseksyen (3) seksyen 13 Akta Prosedur Kewangan, 1957, bagi pengeluaran wang sebanyak Lapan Belas Bilion Empat Ratus Dua Puluh Sembilan Juta Empat Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Sembilan Ratus ringgit (RM18,429,448,900) sebagai wang tambahan yang dikehendaki untuk Perbelanjaan yang diluluskan oleh Akta Perbekalan 2000.

4. Dengan lulusnya Akta Perbekalan 2000 (Akta A1071) yang diwartakan pada 11 Mei 2000, Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan keseluruhan di bawah setiap Maksud Perbelanjaan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2000. Pegawai Pengawal adalah diminta mengawasi supaya perbelanjaan mengurus bagi sesuatu perkhidmatan di bawah kawalannya, tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam Anggaran itu.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

5. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2000 bertarikh 24 Disember 1999 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, bagi pengeluaran wang berjumlah Dua Belas bilion Tiga Ratus Tiga Puluh Lapan Juta Satu Ratus Lima Puluh Ribu ringgit (RM12,338,150,000) daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran-butiran di bawah Maksud-maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000.

6. Waran Am Bil. 2 Tahun 2000 telah dikeluarkan pada 26 April 2000 mengikut seksyen yang sama seperti di perenggan 5 di atas bagi pengeluaran wang tambahan sebanyak Dua Belas Bilion Tiga Ratus Tiga Puluh Enam Juta Satu Ratus Empat Puluh Dua Ribu ringgit (RM12,336,142,000).

7. Jumlah yang ditanggungkan ke atas sesuatu Maksud atau Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud dan Butiran itu mengikut ruangan (8) dan (9) dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000. Jumlah yang dikeluarkan bagi satu-satu Maksud atau Butiran pada bila-bila masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek seperti yang tercatat di bawah ruangan (3) Anggaran Perbelanjaan yang sama.

8. Dengan lulusnya Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000, Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan keseluruhan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu, melainkan dari Butiran di bawah ruangan (9) "Pinjaman" yang memerlukan kelulusan Perbendaraan terlebih dahulu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1989 sebelum wang pinjaman itu dikeluarkan.

Pengeluaran Waran-waran Peruntukan

9. Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah mengeluarkan dengan serta-merta waran-waran peruntukan kepada pemegang-pemegang waran peruntukan tertentu bagi membuat perbelanjaan di mana yang berkenaan, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di perenggan 8 di atas.

Kawalan Perbelanjaan

10. Pegawai-pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya mematuhi kehendak-kehendak di dalam Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Pekeliling Perbendaharan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Dalam menjalankan pengurusan perbelanjaan, Pegawai-pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang dijelaskan di dalam Seksyen 15A, Akta Prosedur Kewangan 1957. Pegawai Pengawal juga adalah diminta bersikap tegas dan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang melakukan perbuatan-perbuatan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 18, Akta yang sama.

11. Semua Pegawai Pengawal diminta mengambil perhatian dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1999. Pekeliling ini memberi garis panduan untuk mengawal perbelanjaan awam serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan perbelanjaan awam dapat dibuat dengan lebih cermat dan berhemat.

12. Kerjasama semua Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengambil tindakan awal bagi mengemaskinikan maklumat-maklumat berdasarkan anggaran tahun 2000 dalam Sistem Maklumat Yang Bersepadu SETIA/SIAP (SMBSS) dan sebagaimana yang dikehendaki oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pegawai Pengawal perlulah memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan rapi supaya projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal juga perlu mengambil perhatian mengenai keperluan mengemukakan laporan bulanan prestasi perbelanjaan/fizikal projek-projek pembangunan melalui SMBSS, Unit Penyelarasan

Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri tidak lewat daripada 7 haribulan bagi bulan berikutnya.

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

13. Pengurusan kewangan yang mantap adalah penting bagi mempastikan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan dibuat dengan teratur, cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996** bertujuan untuk membantu Pegawai Pengawal meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun di agensi masing-masing. Surat Pekeliling tersebut mengandungi garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta *checklist* dan *reporting system* terperinci yang dapat membantu Pegawai Pengawal untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun. Semua Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan supaya mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 sepenuhnya.

(DATO' OTHMAN BIN MOHD. RIJAL)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia
Kuala Lumpur

22 Mei 2000

s.k:

Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara Malaysia